

14 MAY 2002

AMERIKA-HUBUNGAN/I

BEBERAPA KUMPULAN AMERIKA SAMBUT BAIK HUBUNGAN AS-MALAYSIA DITINGKATKAN

Oleh: E.Sivabalan

WASHINGTON, 14 Mei (Bernama) -- Kumpulan-kumpulan berpangkalan di Amerika yakin bahawa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Washington sekarang, yang memperkukuhkan lagi perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, akan merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi yang meningkat di antara kedua-dua negara.

Di samping mengunjurkan persekitaran yang sesuai bagi para peniaga daripada kedua-dua negara menjalankan perniagaan, mereka berkata ia akan membuka jalan bagi lebih banyak lawatan di kalangan pemimpin-pemimpin atasan dan pegawai-pegawai kerajaan.

Presiden The Heritage Foundation, Dr Edwin J. Feulner, berkata perhubungan yang dipertingkatkan itu pastinya akan memperkukuhkan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan AS, yang adalah pasaran utama bagi Malaysia.

Malaysia adalah rakan dagangan ke-11 terbesar dan pasaran eksport ke-17 terbesar AS. Jumlah dagangan di antara kedua-dua negara berjumlah sebanyak AS\$29.6 bilion (RM112.48 bilion) tahun lepas.

Barangan eksport Malaysia ke AS dianggarkan sebanyak AS\$17.9 bilion (RM68.02 bilion) manakala barangan import AS ke Malaysia adalah sebanyak AS\$11.8 bilion (RM44.84 bilion) tahun lalu.

Pelaburan Amerika di Malaysia di antara 1996 dan 2000 adalah bernilai AS\$6 bilion (RM22.8 bilion) tetapi ia telah menurun kepada AS\$2.9 bilion (RM11.02 bilion) pada 2000-2001.

The Heritage Foundation, diasaskan pada 1973, adalah sebuah kumpulan pemikir penyelidikan dan pendidikan yang matlamatnya adalah menggalakkan dasar-dasar awam yang konservatif berasaskan kepada perdagangan bebas.

Menyifatkan Dr Mahathir sebagai "seorang yang berterus terang dan kontroversial," Feulner berkata perdana menteri itu mempunyai pandangan yang lantang yang disuarakan pada majlis makan malam Isnin yang dianjurkan oleh Persatuan Pertukaran Amerika Syarikat-Malaysia (USMEA).

"Ia adalah cara yang amat baik bagi beliau untuk memulakan urusan," katanya, merujuk kepada keterbukaan dan berterus terang Dr Mahathir dalam mahu memulakan semula dengan AS daripada segi senjata perhubungan dua hala dan kerjasama ekonomi.

Pengerusi Frontiers of Freedom, Senator (bersara) Malcolm Wallop beretuju bahawa iklim perniagaan di antara kedua-dua negara akan diperkukuhkan lagi.

Beliau memuji Dr Mahathir kerana mentakrifkan peperangan AS ke atas keganasan - yang bukan perang terhadap Islam atau Umat Islam tetapi terhadap penganas.

"Pentakrifan itu (Dr Mahathir) telah memberi kesan yang besar di AS," katanya.

Frontiers of Freedom adalah pertubuhan bukan mencari keuntungan yang ditumpukan kepada melindungi hak perlembagaan semua rakyat Amerika dan memulihkan had perlembagaan ke atas tahap dan kuasa kerajaan.

Pengarah USMEA Ken Sheffer berkata Washington mahu meluaskan lagi perhubungan dengan Kuala Lumpur.

"Perdana menteri telah melakukan kepulangan yang positif ke Washington," katanya, merujuk kepada lawatan terakhir Dr Mahathir ke AS pada 1994 di mana beliau menemui Presiden Bill Clinton ketika itu.

Feulner, yang mengadakan persidangan akhbar bersama dengan Wallop dan Sheffer untuk media Malaysia malam Isnin, mengakui bahawa perhubungan AS-Malaysia adalah "bermasalah" semasa Clinton menjadi presiden.

Dr Mahathir tiba di sini Isnin untuk lawatan tiga hari di mana beliau akan mengadakan perbincangan dengan Presiden George W. Bush dan pegawai-pegawai atasan pentadbiran Bush di White House Selasa.

Pengerusi USMEA Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, yang turut hadir pada sidang akhbar itu bersama-sama dengan naib pengerusi beliau Datuk Jamaluddin Jarjis, berkata bahawa hakikat yang Dr Mahathir menginap di Blair House, rumah tetamu rasmi presiden AS itu, dengan jelas menunjukkan bahawa Bush mempunyai penghormatan yang tinggi terhadap perdana menteri itu.

Katanya Blair House, terletak setentang dengan White House, adalah disediakan bagi ketua-ketua negara sahabat.

Megat Junid turut memberitahu bahawa terdapat kumpulan-kumpulan di dalam AS yang mahu "mengkhianati" pertemuan Mahathir-Bush itu.

"Terdapat segelintir kumpulan (tetapi) saya tidak begitu bimbang mengenai mereka," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan identiti kumpulan-kumpulan atau orang di sebalik mereka apabila ditanya oleh para wartawan.

Bagi USMEA, Megat Junid dan Sheffer berkata misinya adalah meminta orang Amerika melihat Malaysia kerana apa ia sebenarnya - sebuah negara yang berkongsi nilai-nilai dan pengalaman yang serupa dengan AS.

"Matlamat kita adalah untuk membawa perhubungan AS-Malaysia ke tahap biasa", katanya. USMEA dirasmikan di Kuala Lumpur awal tahun ini. --

BERNAMA

ES MR SHY OS